

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN HAJI  
ABD. MUTTALIB [MARAN]**

**TARIKH : 22 OKTOBER 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 26**

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan bangsa Melayu, India, Bumiputera Sabah dan Sarawak serta Orang Asli lebih miskin berbanding daripada kaum lain terutama Cina. Apakah perancangan Kerajaan bagi mengubal dasar atau wawasan baru bagi mengimbangkan tahap ekonomi antara kaum di negara ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman ahli Yang Berhormat Maran, Kerajaan telah merangka satu wawasan baharu negara iaitu Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB) yang telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 5 Oktober 2019.
2. WKB merupakan hala tuju baharu pembangunan negara bagi tempoh 10 tahun iaitu mulai tahun 2021 hingga 2030 dengan matlamat untuk memastikan seluruh rakyat Malaysia dapat mengecapi taraf hidup wajar atau “*decent standard of living*” pada tahun 2030.

3. Kerangka WKB telah menetapkan tiga objektif utama seperti berikut:
  - a. Pertama - Pembangunan Untuk Semua
  - b. Kedua - Menangani Jurang Kekayaan Dan Pendapatan; dan
  - c. Ketiga - Menjadikan Malaysia Sebuah Negara Yang Bersatu, Makmur Dan Bermaruah.
4. Dalam mencapai ketiga-tiga objektif WKB, pembangunan negara perlu dipertingkat supaya pendapatan negara lebih tinggi dapat dicapai serta diagihkan kepada semua rakyat Malaysia merentasi kumpulan pendapatan, etnik, pembangunan wilayah dan rantai bekalan. Pembangunan yang mampan dengan menjamin pengagihan ekonomi yang adil dan saksama serta inklusif akan mewujudkan kestabilan politik, kemakmuran negara dan kehidupan rakyat yang bersatu padu tanpa prasangka dengan meraikan kepelbagaian bangsa dan budaya sebagai asas penyatuan negara bangsa.
5. Menerusi WKB Kerajaan akan memfokuskan kepada pembangunan sosioekonomi negara yang berpaksikan keberhasilan. Ini diperjelaskan lagi melalui penekanan WKB kepada prinsip kesaksamaan keberhasilan (*equitability of outcomes*). Prinsip ini bukan bermaksud kesaksamaan peluang (*equitability of opportunities*) semata-mata. Sebaliknya, merupakan pendekatan ekonomi yang menjamin kesaksamaan keberhasilan sesuatu inisiatif dengan mengambil kira kekangan terhadap pencapaian kumpulan atau individu yang disebabkan oleh perbezaan latar belakang ekonomi dan persekitaran. Penerapan unsur kesaksamaan keberhasilan dalam WKB adalah penting bagi mencapai matlamat kemakmuran bersama.
6. Sehubungan itu, kumpulan etnik yang ketinggalan akan diberi perhatian khusus supaya mereka dapat bersaing dengan sihat sejajar dengan prinsip pembangunan inklusif. Kumpulan ini akan dibantu melalui penyediaan peluang untuk meningkatkan penyertaan mereka dalam aktiviti ekonomi yang menjana pendapatan lebih tinggi.

7. Penekanan kepada kesaksamaan keberhasilan akan memastikan etnik yang ketinggalan termasuk Bumiputera, Anak Negeri Sabah, Bumiputera Sarawak, Orang Asli dan India yang berpendapatan rendah dapat mencapai kesaksamaan sosioekonomi setara dengan kemajuan kumpulan etnik lain. Kesaksamaan keberhasilan ini adalah penting kerana etnik ketinggalan ini bermula pada tahap yang lebih rendah berbanding kumpulan etnik yang lebih kaya menyebabkan kumpulan etnik ini sukar untuk bersaing dan perlu disokong oleh inisiatif Kerajaan dalam usaha meningkatkan sosioekonomi mereka supaya dapat setara dengan etnik yang lebih ke hadapan.
8. Buat masa ini, perbezaan pendapatan antara ketiga-tiga kumpulan etnik masih ketara dengan etnik Cina dan India mencatatkan pendapatan penengah yang lebih tinggi masing-masing sebanyak RM6,582 dan RM5,428 berbanding Bumiputera hanya RM4,846 pada tahun 2016.
9. Bagi tujuan tersebut, strategi dan inisiatif pelaksanaan bagi menjayakan hasrat ini sedang giat dirangka di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) yang akan dibentangkan di Parlimen pada tahun hadapan.
10. Segala usaha ini dijangka dalam masa panjang akan dapat memastikan tiada kumpulan etnik yang ketinggalan dan setiap rakyat dapat menikmati kemakmuran negara sejajar dengan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.

Sekian, terima kasih.